



Pembedahan Hernia




Changi
General Hospital
SingHealth

Pembedahan hernia

Hernia adalah benjolan kandungan perut (lemak atau usus) yang terjulur keluar melalui otot dinding perut yang lemah, dan kelihatan seperti bengkak. Terdapat banyak jenis hernia tetapi yang paling lazim adalah hernia inguinal ari-ari.

Hernia akan kelihatan lebih jelas atau lebih besar apabila pesakit berdiri atau meneran; dan hilang apabila berbaring. Ia juga boleh dikaitkan dengan rasa tidak selesa, rasa seperti ditarik, atau juga rasa sakit.



Jika dibiarkan tanpa dirawat, hernia akan susah untuk dikembalikan ke bentuk asal dan menjadi tersumbat atau tersekat. Ini terjadi apabila bekalan darah ke hernia tersebut terputus oleh pembukaan kantung (leher) hernia. Jika tidak dirawat, pesakit akan tenat dan keadaan ini boleh membawa maut.

Jika anda mengesyaki anda mempunyai hernia, atau mengalami bengkak yang tidak normal di ari-ari, anda dinasihatkan berjumpa doktor. Anda mungkin dinasihatkan supaya menjalani pembedahan untuk mengelakkan komplikasi seperti yang disebutkan di atas.

Pembedahan boleh dijalankan untuk merawat hernia, dan untuk mencegah berlakunya komplikasi seperti tersekat atau tersumbat. Pembedahan bertujuan mengembalikan kandungan perut ke rongga perut, dan memperkukuh bahagian dinding perut yang lemah. Ini biasanya dilakukan dengan memasukkan jaring di bahagian yang lemah. Jaring tersebut akan membentuk tisu parut yang kukuh di bahagian mana ia diletakkan, lantas menguatkan dinding perut di bahagian tersebut. Terdapat jenis dan saiz jaring yang berbeza dan doktor bedah anda akan memilih yang paling sesuai bergantung kepada saiz dan jenis hernia yang anda alami.

Pembedahan dilakukan melalui insisi kecil di bahagian ari-ari. Ia biasanya mengambil masa antara 45 hingga 90 minit, bergantung kepada saiz dan kerumitan hernia. Pembedahan boleh dilakukan dengan bius sebah disatu bahagian, atau bius tidur. Pakar bius anda akan mengkaji semula keadaan anda dan membincangkan dengan anda pilihan yang paling sesuai.

Pesakit lebih muda tanpa sebarang masalah perubatan yang besar (seperti kencing manis, darah tinggi, masalah jantung), boleh menjalani pembedahan balik hari tanpa perlu menginap semalaman di hospital. Pesakit yang berusia atau pesakit dengan masalah perubatan yang lebih serius mungkin perlu dimasukkan ke hospital sehari sebelum pembedahan dan mungkin perlu menginap satu hingga dua hari selepas pembedahan supaya keadaan mereka dapat dipantau.

Selepas pembedahan, anda mungkin mengalami sedikit rasa kebas di bahagian dalam peha. Ini biasanya hilang dalam tempoh beberapa minggu. Bahagian yang dibedah juga mungkin terasa ketat. Ini disebabkan oleh fibrosis dan parut yang sedang terjadi. Dengan melakukan aktiviti-aktiviti biasa, ia akan beransur pulih. Anda akan dinasihatkan supaya tidak mengangkat barang yang berat dalam tempoh sejour selepas pembedahan, tetapi anda boleh mula mengangkat barang secara beransur-ansur selepas tempoh awal berakhir.

Kami juga mempunyai program fisioterapi pemulihan selepas hernia pesakit luar khas untuk membantu anda kembali ke status fungsi pra-pembedahan anda secepat mungkin.

Lain-lain jenis hernia yang lazim


Hernia paraumbilikal

Hernia Paraumbilikal adalah hernia yang terbentuk di sebelah kiri atau kanan pusat. Ia biasanya kelihatan seperti ketulan-ketulan yang membesar dan lebih menonjol apabila pesakit berdiri atau meneran. Ia juga boleh menjadi tersendat dan menyebabkan kesakitan.

Hernia insisi

Hernia insisi terjadi apabila lapisan otot di bawah parut pembedahan menjadi lemah. Ia boleh terjadi di pelbagai bahagian perut yang telah menjalani pembedahan untuk keadaan seperti luka apendisektomi atau luka garis tengah.

Jika anda mengesyaki bahawa anda mempunyai hernia, rujuk kepada doktor anda, atau aturkan temu janji dengan perkhidmatan pembedahan hernia kami.





Singapore
General Hospital



Changi
General Hospital



Sengkang
General Hospital



KK Women's and
Children's Hospital



National Cancer
Centre Singapore



National Dental
Centre Singapore



National Heart
Centre Singapore



National
Neuroscience Institute



Singapore National
Eye Centre



SingHealth
Community Hospitals



Polyclinics
SingHealth

PATIENTS. AT THE HEART OF ALL WE DO.®

2 Simei Street 3 Singapore 529889
Tel: (65) 6788 8833 Fax: (65) 6788 0933
Reg No 198904226R

CGH Appointment Centre

For appointments and enquiries,
please call: (65) 6850 3333

Operating hours:
8.30 am to 5.30 pm (Monday to Friday)
8.30 am to 12.30 pm (Saturday)
Closed on Sunday & Public Holiday

For more information, please visit www.cgh.com.sg

 facebook.com/ChangiGeneralHospital

Information is valid as of September 2021 and subject to revision without prior notice.

All information provided within this publication is intended for general information and is provided on the understanding that no surgical and medical advice or recommendation is being rendered. Please do not disregard the professional advice of your doctor.